

# **MANUSIA DAN ALAM SEKITAR : HUBUNGANNYA DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**

oleh  
Amer Saifude bin Ghazali

## **Abstract**

*Man and environment are two main elements in nature. It's has been said that the tremendous growth of human population especially in the Third World contributes significantly to the enviornmental crisis. Based on this assumption, International Conference of People and Development (ICPD) held in Egypt on 1994 proposed a mechanism to prevent the population growth in the Third World. It is true that the population growth directly related to the environmental crisis ? This article tries to examine the relationship between man and environment from an Islamic perspective and the option we have to harmonise this relationship.*

## **Pendahuluan**

Alam sekitar yang kita huni mempunyai beberapa komponen; antaranya atmosfera, hidrosfera, pedosfera, litosfera dan biosfera. Di dalam komponen-komponen ini terdapat berjuta-juta spesies kehidupan samada yang telah dikenalpasti ataupun belum dikenali lagi. Kesemuanya berinteraksi antara satu sama lain untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Tanpa kehadiran sesuatu spesies samada ia telah berkurangan ataupun pupus boleh menyebabkan kehidupan lain terancam. Pengurusan dan pengekalan sumber-sumber kehidupan amat penting kerana ia berkait rapat dengan masa depan alam yang kita huni.

## **Konsep penciptaan manusia**

Manusia adalah makhluk yang paling dominan dalam alam, tidak ada makhluk lain yang dapat menandingi kepintaran dan ketangkasaman manusia. Teori evolusi Darwin menyatakan manusia berasal daripada mawas besar yang hidup berjuta-juta tahun dahulu. Beliau juga mendakwa segala yang ada di bumi seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, jirim, unsur cakerawala mahupun manusia telah melalui proses penyempurnaan. Ini bermakna benda-benda tersebut telah menjadi

sempurna dengan sendiri, melalui kuasa yang terkandung dalam alam persekitarannya. Teori evolusi ini telah berkembang pesat di dunia Barat, sehingga mewujudkan tiga pandangan yang berbeza mengenai kejadian alam; pertama golongan yang tidak percaya wujudnya Pencipta alam, kedua golongan yang percaya wujudnya Pencipta dan ketiga golongan yang percaya wujudnya Pencipta tetapi telah terpengaruh dengan teori Evolusi<sup>1</sup>. Al Quran dengan jelas menerangkan tentang kejadian manusia sekaligus menolak secara mutlak teori Darwin tadi. Allah telah berfirman:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا كُنَّا فِي رَبِّكُمْ مِّنَ الْمُنْتَهٰى فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِّنْ  
نُطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضْغَةٍ مُخْلَقَةٌ وَغَيْرُ مُخْلَقَةٌ لَّذِينَ لَكُمْ  
وَنُنَزِّلُ فِي الْأَرْضِ مَا نَشَاءُ إِنَّ أَجْحِلَ شَسَئِي مِمْ مُخْرِجَكُمْ طَفْلًا ثُمَّ  
لَتَبْلُغُوا أَشَدَّ كَعْدَةٍ وَمِنْكُمْ مَنْ يُنَوِّفُ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرْدُ إِلَى  
بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا آلَمَةً أَهْزَأْتَ  
وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَتْ مِنْ كُلِّ زَقْعَبٍ بِهِيجِ ①

"Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwasafkan dan (ada pula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai pikun, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah".

(Surah Al-Hajj : 5)

<sup>1</sup> Sulaiman Nordin, Biologi menurut perspektif Islam. Dalam Sulaiman Nordin (pngr.) *Sains Menurut Perspektif Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 33 - 75

dan,

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ مُّلْعُونٍ

*"Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk "*

(Surah Al-Hijr : 26)

Ayat ini telah mengukuhkan lagi tentang kejadian penciptaan manusia daripada tanah. Teori evolusi Darwin tidak sampai ke peringkat asal-usul penciptaan manusia. Ia hanya berkisar di peringkat persamaan fizikal, perangai dan kehidupan antara manusia dengan mawas tadi. Beliau berpendapat manusia melalui masa telah mengalami perubahan daripada segi fizikal dan mental. Bentuk manusia yang dahulunya seperti mawas, dengan tangan yang panjang, berbulu lebat, kepala yang bonjol dan tidak berpakaian telah berubah dan menjadi seperti bentuk fizikal sekarang. Beliau tidak pernah mempersoalkan bagaimana manusia ataupun mawas tadi bermula. Hanyalah Al Quran yang menjelaskan secara terperinci bagaimana manusia diciptakan, bahan apa yang membentuk manusia, bagaimana manusia dihidup dan dimati dan apakah kesudahan hidup manusia.

Agama-agama besar dunia seperti Islam dan Kristian juga mengakui Nabi Adam adalah manusia yang pertama diciptakan Allah. Setelah itu Hawa pula diciptakan untuk dijadikan pasangan kepada Adam. Mereka telah dikeluarkan Allah daripada syurga akibat memakan buah khuldi yang menjadi larangan. Allah telah mencampakkan mereka ke dunia seterusnya lahirlah anak-anak mereka yang meneruskan keturunan manusia sehingga sekarang. Manusia juga telah diciptakan Allah dengan seelok-elok kejadian. Firman Allah :

وَالْتِينَ وَالزَّيْتُونَ ۚ ۖ وَطُورِسِينَ ۚ ۖ وَهَذَا الْبَلْدَ الْأَمِيرَ ۗ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ  
فِي أَخْسَى تَقْوِيمِ ۖ

*"Demi (buah) Tin dan (buah) Zaitun dan demi Bukit Sinai dan demi kota (Makkah) ini yang nyaman. Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya ".*

(Surah At Tiin : 1 - 4).

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling sempurna samada daripada segi fizikal dan mental. Bentuk fizikal manusia adalah serba lengkap melebihi bentuk fizikal hidupan yang lain. Tangan dan kaki manusia dicipta seimbang untuk memudahkan pergerakan dan mencantikkan pandangan luar. Cuba kita bayangkan sekiranya kita mempunyai tangan yang panjang sehingga sampai

ke paras kaki. Begitu juga dengan raut muka manusia yang elok, ia dinamakan ‘basyar’ oleh Hamka dalam *Tafsir Al Azhar*<sup>2</sup> yang bermaksud wajah yang menunjukkan kegembiraan dan ia sangat berbeza dengan kejadian Allah yang lain. Dengan segala bentuk kejadian yang sempurna ini manusia telah diberi kedudukan yang tinggi dalam alam ini.

Akal merupakan antara anugerah istimewa Allah kepada manusia yang tidak ada pada makhluk-makhluk yang lain. Dengan akal, manusia mampu membuat keputusan yang akan menentukan corak kehidupan mereka kelak. Pertimbangan perkara baik dan buruk juga mempengaruhi cara interaksi manusia dengan unsur-unsur alam yang lain. Perlakuan dan tindakan manusia seharusnya diiringi dengan keimanan. Tanpa keimanan jiwa manusia akan pincang dan ia turut melibatkan unsur-unsur yang lain. Keimanan boleh dicapai oleh manusia yang bersih rohaninya. Selagi rohani manusia diseliputi dengan ‘pencemaran’, selagi itulah alam akan terus tercemar. Manusia yang bersih rohaninya akan mempunyai rasa tanggungjawab dan kesedaran untuk menjaga persekitaran.

Sebagai makhluk yang diciptakan Allah, maka manusia harus mematuhi beberapa konsep semasa mereka berinteraksi dengan alam sekitar; antaranya tauhid, khalifah dan amanah, adil dan i'tidal, serta syariah<sup>3</sup>. Tauhid adalah berasaskan kepada keesaan Allah. Allah adalah kuasa yang Maha Tinggi dan tidak dapat dibandingkan dengan kuasa yang lain. Manusia mestilah patuh kepada segala suruhan dan meninggalkan segala laranganNya. Matlamat akhir segala usaha, perbuatan dan pengeksploitasiannya alam sekitar adalah Allah dan bukannya kepentingan individu semata-mata. Tauhid merupakan konsep yang paling penting yang dengannya alam sekitar dapat dipelihara di bawah penguasaan moral dan etika yang bertunjangkan Islam. Konsep khalifah dan amanah harus disertakan bersama-sama. Selain beribadat kepada Allah, manusia juga telah ditugaskan sebagai khalifah di bumi. Alam sekitar adalah tempat ujian bagi manusia. Mereka diberi kebebasan untuk menggunakan demikian penerusan kehidupan. Manusia yang tidak beramanah tentunya akan gagal dalam ujian ini dan akan mendapat pembalasan di akhirat kelak. Hak manusia untuk menguasai alam sekitar adalah pada memakmurkan sumber-sumbernya dan bukan menggunakan sumber dengan rakus sehingga ia mengalami ‘kerencatan’ yang serius yang boleh merendahkan kualiti kehidupan termasuk juga kehidupan manusia sendiri.

<sup>2</sup> Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, Juz. 2, (Singapura: Pustaka Nasional, 1988)

<sup>3</sup> Manzoor, S.P., Persekitaran dan Nilai: Perspektif Islam, dlm Ziauddin Sardar (pnyt.). *Sentuhan Midas*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 302-220

Perundangan ataupun syariah merupakan usaha untuk mengubati sesuatu tindakan manusia yang menyalahi peraturan umum. Syariah ini telah digariskan Allah dalam Al Quran dan manusia wajib mentaati dan mempraktikannya. Ia perlu dilaksanakan secara mutlak tanpa ada apa-apa pengecualian samada daripada segi hukuman ataupun tahap kedudukan manusia. Syariah Islam berupaya mewujudkan kesusilaan tindakan manusia apabila mereka berinteraksi dengan unsur-unsur kehidupan yang lain. Pengajaran utamanya ia boleh membangkitkan kesedaran bahawa kehidupan manusia tidak dapat lari daripada tindakan yang benar atau salah, dan keputusan akhirnya ditentukan Allah. Penyingkiran syariah Islam dengan ketetapan ciptaan manusia bukan sahaja menimbulkan ketidakadilan kepada manusia malah memburukkan lagi sesuatu masalah. Aspek keadilan dan kesederhanaan seharusnya diamalkan pada setiap tindakan manusia. Keadilan bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul. Sekiranya tindakan kita boleh menyebabkan kerosakan yang teruk kepada unsur yang lain, ia mestilah dihentikan kerana kita telah merampas hak unsur tersebut untuk hidup. Keadilan dan kesederhanaan melambangkan keseimbangan unsur-unsur alam yang secara langsung mengekalkan keadaan semulajadinya. Kedua-dua aspek harus diamalkan bersama-sama dengan aspek yang lain seperti ijma' (persetujuan ramai), istihsan (mengutamakan yang lebih baik), istislah (kebajikan umum), halal-haram, ibadah, taqwa dan sebagainya. Matlamat keadilan dan kesederhanaan akan dicapai melalui penggabungjalinan dan kesepadan tindakan antara aspek-aspek tersebut.

### Konsep penciptaan alam semulajadi

Selain daripada manusia, Allah juga mencipta hidup-hidupan yang lain untuk kemudahan manusia. Setiap hidupan mempunyai fungsinya tersendiri. Apabila suatu spesies hidupan pupus, fungsi dan peranannya tidak dapat digantikan oleh spesies yang lain. Umpamanya bukit dan gunung berperanan sebagai pasak bumi yang menetapkan kedudukannya. Ini dapat kita ikuti melalui ayat Al Quran :

وَلَقَنِي فِي الْأَرْضِ رَوْسِي أَنْ تَبَدِّي سَكُونَهُ وَأَتَّهَا وَأَسْبَلَ لَعْنَكُمْ

١٥  
تَهْتَذُونَ

"Dan Dia lekatkan ke bumi gunung-gunung itu, supaya tidak menggoncang kamu, (dan Dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk".

(Surah An Nahl : 15)

Begitu juga dengan peranan awan, angin, tanah, tumbuhan dan sebagainya. Kesemua ini membentuk kitaran hidrologi yang membekalkan sumber air yang berterusan untuk manusia. Sekiranya salah satu daripada unsur tersebut

mengalami kepupusan maka kitaran hidrologi akan terganggu. Al Quran telah menceritakan perkara ini :

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الْرِّيحَ بُشِّرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ، حَقٌّ إِذَا أَفْلَتَ  
سَحَابَاتٍ قَالَ سُقْنَاهُ لِبَلَدِي مَيْتَ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَنْجَنَاهُ إِلَيْهِ، مِنْ كُلِّ الشَّعَرَاتِ  
كَذَلِكَ شَرِحَ الْمَوْقَعَ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾

*"Dan Dialah yang menuangkan angin sebagai pembawa berita gembira, dirahmatNya (hujan) hingga apabila angin itu telah menggerakkan awan mendung. Kami arahkan ke suatu kawasan yang tandus lalu Kami turunkan hujan di daerah itu. Maka Kami keluarkan hasil daripada hujan itu pelbagai macam buah-buahan. Demikian itulah juga Kami bangkitkan orang-orang yang telah mati supaya dengan itu kamu mengambil pelajaran".*

(Surah Al-A'raaf : 57)

Haiwan yang berada di darat dan di laut juga berguna kepada manusia. Walaupun ada yang merbahaya tetapi secara keseluruhannya ia menjadi sumber makanan manusia. Bayangkan betapa susahnya manusia sekiranya kesemua haiwan tadi pupus akibat daripada perbuatan manusia yang keterlaluan. Allah telah berfirman dalam Al Quran :

أَجْلَلَ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَعَالُكُمْ وَلِلسَّيَارَةِ وَمَنْ عَلَيْكُمْ صَيْدٌ  
أَلْبَرِ مَادِ مَسْمُورٌ مَا وَأَسْقُوا اللَّهُ الَّذِي سَأَلَ إِلَيْهِ عَشْرُونَ ﴿٩٦﴾

*"Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan-makanan dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan, diharamkan atas kamu (menangkap) binatang buruan di darat selamamana kamu berada dalam ihram, dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya kamu dikumpulkan".*

(Surah Al-Maa-idah : 96)

dan,

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوهُ مِنْهُ لَحْمًا طَرِيفًا وَتَسْتَخِرُوهُ  
مِنْهُ حَلِيلَةً تُلْبَسُونَهَا وَتَرَى النَّاسَ مُوَاجِرِينَ فِيهِ وَلَا يَتَبَغَّفُوا  
مِنْ قَضَائِلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ ﴿١٤﴾

"Dan Dialah Allah yang menundukkan lautan (untukmu) agar kamu dapat memakan daging segar (ikan) dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai dan kamu melihat bahtera belayar padanya dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurniannya dan supaya kamu bersyukur".

(Surah An Nahl : 14)

Kesemua ayat Al Quran ini menunjukkan wujudnya interaksi antara manusia dengan hidupan yang lain. Segala yang ada di laut, di bumi malah di langit adalah untuk kegunaan manusia. Untuk menjaminkan penerusan hidup manusia maka keselamatan dan kesejahteraan hidup-hidupan ini wajar dijaga dan dipelihara. Hamka dalam Tafsir Al Azhar<sup>4</sup>, menghuraikan lebih lanjut tentang kegunaan ciptaan-ciptaan Allah yang lain untuk manusia. Kejadian bukit dan gunung mempunyai hikmah tertentu walaupun ia terletak di bahagian pedalaman sesebuah negeri. Ia boleh menghalang laluan angin dan menyelamatkan harta benda manusia. Sekiranya bumi ini datar, manusia akan sentiasa terdedah kepada tiupan angin yang kuat. Contoh yang paling jelas apabila kita berada di tengah lautan. Apabila berlaku ribut kita akan mencari pulau untuk mengelakkan daripada tenggelam. Pulau di tengah lautan diumpamakan sebagai bukit dan gunung di daratan. Gunung juga boleh menyekat edaran awan yang membawa air yang akan menurunkan hujan di kawasan rendah. Fenomena ini kita kenali sebagai hujan bukit yang sering turun di kawasan pedalaman. Begitu juga dengan ikan yang menjadi sumber protein utama manusia dan mutiara yang didapati daripada tiram di dasar laut. Allah juga menceritakan tentang fungsi lautan yang menjadi medan bagi kapal belayar. Manusia telah menggunakan kapal untuk mengembara ke serata dunia semenjak daripada dahulu lagi. Perhubungan antara benua-benua di dunia sudahpun terjalin dan kita mendapati wujudnya bangsa tertentu di tempat yang jauh daripada tempat asal mereka. Umpamanya bangsa Melayu yang berada di Sri Langka, Madagascar, Australia, Afrika Selatan dan beberapa bahagian di Eropah. Ini menunjukan bahawa orang Melayu telah sampai di sana melalui

<sup>4</sup> Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, Juz. 2.

pelayaran yang mereka lakukan suatu masa dahulu. Kesemua ini menunjukkan kebesaran Allah dan wajib bagi kita mensyukurinya.

Keistimewaan yang diberikan Allah itu bukanlah bermakna manusia berkuasa mutlak ke atasnya. Hak yang diberikan ini terikat dengan peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh Allah. Manusia juga tidak seharusnya berbangga dan sompong kerana dipilih Allah sebagai makhluk yang paling istimewa, ia tidak lebih sebagai ujian kepada manusia. Manusia yang tidak mempunyai pegangan yang kukuh mungkin akan tewas dalam pentas ujian ini. Golongan yang berjaya adalah mereka yang selalu tunduk dan patuh kepada suruhan Allah. Golongan ini lazimnya melihat kejadian alam semulajadi dengan mata hati dan selalu menggunakan akal berserta iman dengan sebaik mungkin. Allah berfirman dalam Al Quran :

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِنْدِمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي  
خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بِنَطِيلٍ لَا سُبْحَانَكَ فَقَنَا  
**عَذَابَ النَّارِ**

"(iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): " Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sis-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami daripada siksa neraka ".

(Surah Ali 'Imran : 191)

Allah juga memberikan peluang seluas-luasnya kepada manusia supaya mengambil pengiktibaran daripada setiap kejadian alam semulajadi. Amat malang terlalu sedikit manusia yang bersyukur dan berterima kasih kepada Allah. Semoga kita termasuk dalam golongan yang sedikit itu. Firman Allah dalam Al Quran :

**وَفِي الْأَرْضِ مَا يَتَّسِعُ لِتَمْوِيقِنَ** ﴿٢١﴾ **وَفِي أَنْفُسِكُمْ أَفَلَا يَبْصُرُونَ**

"Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin, dan (juga) pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tiada memperhatikan ".

(Surah Adz Dzaariyaat : 20 - 21)

dan,

﴿أَفَلَمْ يَرَوْا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ مَآذَانٌ يَسْمَعُونَ  
بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَلُ الْأَبْصَرُ وَلَكِنْ تَعْمَلُ الْقُلُوبُ أُلْقَى فِي الصُّدُورِ﴾

*“Apakah mereka tidak mengembara di muka bumi ? Dan apakah mereka tidak punya hati untuk memahami dan tidak punya telinga untuk mendengar ? Sesungguhnya terhadap ini, mata mereka tidak buta, tetapi hati yang di dalam dada mereka yang buta ”.*

(Surah Al-Hajj : 46)

### Peranan manusia dalam alam

Alam sekitar adalah anugerah Allah kepada manusia. Sumber-sumber semulajadi seperti hutan menjadi stok bekalan air tawar, lautan membekalkan sumber makanan, serta galian dapat memajukan ekonomi negara. Kewujudan dan peranan manusia mestilah difahami dengan jelas kerana kedudukan mereka lebih istimewa berbanding makhluk-makhluk yang lain. Manusia berupaya menjadi makhluk yang terbaik di sisi Allah dan ini dibuktikan menerusi kewujudan Nabi Muhammad S.A.W sebagai nabi dan rasul yang teragung dan baginda pada asalnya adalah manusia biasa. Justeru itu manusia pada umumnya sanggup menerima tugas mentadbir alam setelah makhluk-makhluk yang lain menolaknya. Ini dinyatakan Allah dalam Al Quran :

﴿إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَابْتَدَأَتْ أَنْ يَخْمِلُنَّا  
وَأَشْفَقَنَّا مِنْهَا وَحَمِلَهَا إِلَّا نَسْرَنِ إِنَّمَا كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا﴾

*“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-gunung, maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia. Sesungguhnya manusia ini amat zalim dan amat bodoh ”.*

(Surah Al-Ahzab : 72)

Allah telah menawarkan kepada makhluk-makhluk yang lain seperti langit, bumi, dan gunung untuk mentadbir alam ini. Kesemuanya tidak sanggup menerima tugas tersebut yang dirasakan sangat membebankan<sup>5</sup>. Tugas yang diamanahkan kepada mereka sekarang sudah memadai dan lebih baik menolak tugas mentadbir alam daripada terpaksa menerima pembalasan akibat kecuaian

<sup>5</sup> Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, Juz. 2.

mereka di kemudian hari. Amanat yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah perumpamaan perintah Allah. Dalam Surah Al Hasyr ayat 21, digambarkan gunung yang hancur berkecaci apabila Allah menurunkan Al Quran ke atasnya. Ini menunjukan kepada kita kemuliaan perintah Allah yang harus dipatuhi dan dilaksanakan. Manusia sanggup memikul tugas tersebut sedangkan mereka mempunyai sifat zalim dan bodoh. Mereka zalim kerana mensia-siakan perintah Allah sehingga sanggup menyengutukanNya, malah ada yang jelas syirik kepadaNya. Manusia juga dianggap bodoh kerana tidak tahu menghargai diri sendiri. Sifat-sifat keistimewaan yang dikurniakan Allah disalahgunakan untuk tujuan kemaksiatan dan kejahatan. Sedangkan potensi diri boleh memandu manusia ke tingkat yang paling atas dalam hirarki kehidupan.

Dengan keupayaan dan potensi diri itu manusia telah diutuskan Allah sebagai khalifah di alam ini sebagaimana firmanNya :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأُمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبْيَتْنَاهَا إِنَّمَا يَعْمَلُنَا  
وَأَشْفَقُنَا مِنْهَا وَحْلَمْنَا إِلَيْنَا نَسْنَانَ طَلُومًا جَهْوَلًا



*"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka berkata : Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau ?. Tuhan berfirman : Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui ".*

(Surah Al-Baqarah : 30)

Tugas khalifah ini mestilah disertai dengan nilai-nilai tauhid, amanah, syariah, adil dan i'tidal. Selain daripada itu manusia juga mesti menjalankan tugas-tugas perhambaan (al-ubudiyah) terhadap Allah. Sebagai hamba Allah, manusia harus bersikap merendah diri dan menerima segala ketentuannya. Sebagai khalifah, mereka mesti memakmurkan alam, mengekalkan keseimbangannya seterusnya menyebarluaskan limpah kurnia Allah. Tugas ini amat bersesuaian dengan asal kejadian manusia yang boleh menimbulkan sesuatu tindakan melalui akal yang dianugerahkan Allah. Penguasaan manusia terhadap alam sekitar hanya dibataskan kepada keadaan yang tidak mengatasi undang-undang yang ditetapkan Allah.

Penentu ketakutan dan kepatuhan manusia kepada perintah Allah adalah hati, roh, nafsu dan akal. Percantuman dan kesepadan unsur-unsur ini mesti ditunjangi

dengan iman. Keseragamannya boleh mengawal kemahuan manusia yang tidak terbatas dan secara langsung boleh menguasai kemahuan-kemahuan diri. Hati adalah organ yang mengepam darah ke seluruh urat saraf manusia, nafsu mewakili tabiat manusia seperti marah, berahi, syahwat, dengki, dendam dan sebagainya. Roh pula sebagai wap atau gas yang keluar dari dalam hati menjalar ke seluruh urat saraf manusia, akal sebagai daya fikir manusia dan iman adalah iktikad ataupun kepercayaan yang sebenarnya dalam hati terhadap keesaan<sup>6</sup>. Hati yang diselaputi iman boleh diumpamakan sebagai raja yang memerintah diri, roh pula sifatnya amat halus dan seni yang tidak dapat dijangkau dengan fikiran. Nafsu diumpamakan sebagai unsur jahat yang boleh dibersihkan dan digilap dengan zikir, mujahadah dan ikhlas. Akal pula berperanan menimbang dan membuat keputusan dengan baik berdasarkan tuntutan-tuntutan agama. Peranan manusia sebagai khalifah akan lebih bermakna sekiranya hati dan iman yang mengawal segala perlakuan dan bukannya nafsu yang rakus.

Apa yang berlaku sekarang adanya manusia yang bertindak sebagai diktator dan bukannya sebagai khalifah, dan tidak lagi menganggap dirinya tertakluk kepada undang-undang Allah. Golongan ini menjadi hamba kepada kebendaan dan selalu mengutamakan nafsu. Kebendaan menjadi matlamat, mereka beranggapan orang yang paling berjaya adalah yang mempunyai banyak harta dan pangkat yang tinggi. Golongan miskin tidak mendapat tempat dalam status dan kedudukan mereka. Mereka sebenarnya tertipu dengan sandiwara dunia. Bagi orang Islam, segala perlakuan, amalan dan perbuatan di dunia akan memberikan kesan kepada kehidupan di akhirat kelak. Sebab itulah golongan yang senang dan berjaya di dunia tidak semestinya mendapat tempat yang mulia di sisi Allah. Malah orang yang susah di dunia berkemungkinan menjadi sebaliknya di akhirat kelak. Kehidupan sebenarnya bagi orang Islam menjangkau satu jangkamasa yang panjang iaitu sebaik sahaja dilahirkan, dimati dan kemudiannya dihidupkan kembali. Kita akan kekal abadi di akhirat. Allah telah berfirman dalam Al Quran :

وَمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا تَهْوِي وَتَعِبُ وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهُمْ الْحَيَاةُ  
لَوْكَائُونَ رَأَيْتُمُوهُنَّ

*“Dan tiadalah kehidupan di dunia ini melainkan senda gurau dan main-main. Dan sesungguhnya akhirat itulah yang sebenarnya kehidupan, kalau mereka mengetahui ”.*

(Surah Al-‘Ankabut : 64)

<sup>6</sup> Muhd. Syukri Salleh, Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan, dlm. Muhd. Syukri Salleh (pnyt.). *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, (Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, 1985), hlm : 30 - 43

Hamka dalam Tafsir Al Azhar<sup>7</sup> telah menggariskan matlamat kehidupan di dunia iaitu mengabdikan diri kepada Allah, menjadi khalifah memakmurkan bumi, beramal saleh dan matlamat sejati adalah akhirat. Ini tidak bermakna orang Islam perlu mengenepikan kehidupan di dunia. Sebaliknya kita mestilah berhati-hati dalam setiap perlakuan. Hidup di akhirat adalah kehidupan abadi dan bukannya kehidupan senda gurau seperti di dunia. Sebaliknya orang kafir mementingkan kehidupan dunia seperti yang dinyatakan dalam Al Quran dan mereka sewajarnya mendapat pembalasan :

بِلْ تُؤْثِرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ۚ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ

"Tetapi kamu (orang-orang kafir) memilih kehidupan dunia.  
Sedangkan kehidupan akhirat adalah lebih baik dan kekal".

(Surah Al-A'laa : 16 - 17)

### Penduduk dunia dan krisis alam sekitar

Penduduk dunia mula direkodkan sekitar tahun 8000 SM. Pada tahun tersebut penduduk dunia dikatakan berjumlah 10 juta orang.<sup>8</sup> Kelahiran yang disertai dengan kematian menyebabkan pertambahan penduduk tidak pesat. Penduduk dunia hanya bertambah dengan pesat apabila memasuki era tahun masihi. Menjelang abad ke 21, penduduk dunia dijangka terus bertambah. Inilah yang menimbulkan kebimbangan manusia sehingga mereka menerbitkan laporan-laporan yang meramalkan akan kemusnahan dunia. Kadar pertambahan semulajadi penduduk di dapati melalui perbezaan antara kadar kelahiran kasar dengan kadar kematian kasar<sup>9</sup>. Ia berbeza antara negara maju dengan negara membangun. Pertambahan semulajadi penduduk yang berbeza antara kedua-dua blok negara tersebut menyebabkan perbezaan penduduk semakin melebar. Negara membangun mempunyai semakin ramai penduduk manakala negara maju mengalami kurangan penduduk.

Pertambahan penduduk dunia umumnya disebabkan oleh kemajuan kehidupan manusia sendiri. Revolusi Industri yang bermula pada tahun 1750 di Eropah merupakan penyumbang utama kepada pertambahan penduduk. Taraf kehidupan manusia yang semakin meningkat seperti mendapat makanaan yang berzat, tempat tinggal yang lebih selesa, taraf kesihatan yang semakin baik

<sup>7</sup> Hamka, *Tafsir Al-Azhar*, Juz. 2.

<sup>8</sup> Re Velle, P. & Re Velle, C., *The Environment : Issue And Choices For Society*, Jones & Society, (Boston: Bartlett Publishing, 1988)

<sup>9</sup> Weeks, J.R. *Population : An Introduction To Concepts And Issues*, (California: Wadsworth Publishing Company, 1989)

menyebabkan kematian semakin berkurangan. Selain daripada itu juga menjelang tahun 1900 telah berlaku penemuan-penemuan baru dalam bidang perubatan. Penyakit-penyakit merbahaya yang menyebabkan kematian seperti cacar, hawar, taun sudah ditemui penawarnya. Mereka juga berupaya mengurangkan risiko dijangkiti penyakit-penyakit tersebut.

Penyebab utama masalah alam sekitar adalah sikap manusia yang menolak amalan beragama. Ini berleluasa di Barat, walaupun menganut agama tertentu tetapi mereka tidak beramal dengannya. Mereka telah menolak amalan beragama bermula pada zaman Renaissance lagi. Tanpa agama manusia tidak mempunyai panduan dan pedoman dalam hidup. Mereka tidak dibatasi oleh had-had tertentu ataupun oleh satu kuasa lain yang boleh mengawal segala perlakuan mereka. Kadangkala tindakan mereka begitu jijik yang boleh menjadikan taraf manusia lebih rendah daripada binatang. Jadi untuk mengatasi masalah ini masyarakat Barat hendaklah kembali kepada amalan beragama. Setiap agama dalam dunia mengajar penganutnya supaya berkelakuan baik dengan segala kehidupan termasuk unsur-unsur alam sejadi. Malah agama Kristian sendiri menekankan hubungkait setiap unsur alam iaitu Tuhan-alam, Tuhan-manusia, manusia-alam dan manusia-manusia.<sup>10</sup> Persoalannya sanggupkah Barat mengakui kesalahan mereka dan menerima kembali pengamalan beragama ?

Kita juga tidak harus lupa sejarah bermulanya penciptaan peralatan yang serba canggih dalam era moden ini. Mungkin ada yang mengatakan peralatan canggih ini dimulakan oleh ahli sains Islam silam. Wajarkah mereka dipersalahkan kerana mencetuskan idea yang memusnahkan alam sekitar. Perkara ini tidak akan timbul sekiranya kita mengkaji sejarah peradaban Islam silam secara lebih mendalam. Umpamanya dalam pembinaan bangunan-bangunan tinggi, ahli sains Islam silam membina bangunan berdasarkan keadaan alam sekitarnya. Sekiranya ia kawasan panas menara-menara angin dibina untuk mengalihkan udara ke dalam bangunan.<sup>11</sup> Di kawasan gurun pula, lorong-lorong udara dibina untuk memerangkap udara malam yang menjadi penyejuk pada waktu siang. Dengan ini mereka tidak memerlukan peralatan lain untuk menyejukkan udara. Apabila pengetahuan ini sampai kepada orang Barat mereka mengubahsuai aspek binaan

---

<sup>10</sup> Zaini Ujang, *Enviromentalisme Dalam Tatabaru Dunia*, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, 1992)

<sup>11</sup> Ahmad, Y. A.H. & Hill, D.R., *Islamic Technology An Illustrated History*. (Cambridge : Cambridge University Press. 1986). Abdul Wassay Najimi, *Herat- The Islamic City: A Study In Urban Conservation*, (London: Curzon Press, 1988). Haider, S.G., Tempat Kediaman Dan Nilai Dalam Islam : Perumusan Konseptual Sebuah Kota Raya Islam. Dalam Ziauddin Sardar (pnyt.). *Sentuhan Midas*, op.cit., hlm. 231-275.

tadi. Bangunan dibina dengan menggunakan bahan asas seperti kaca, besi, konkrit dan tertutup rapat. Akhirnya mereka terpaksa mencipta pendingin udara untuk memberikan keselesaan. Alat inilah yang menyebabkan paras chlorofluorocarbon (CFC) meningkat di udara dan menipiskan lapisan ozon. Adalah suatu yang aneh mereka yang mencipta peralatan tambahan ini menyalahkan pihak yang menggunakannya. Inilah yang membezakan antara ahli sains Islam silam dengan ahli sains Barat sekarang.

Di dalam membicarakan perkara ini masyarakat Barat seakan-akan terlupa orang yang memulakan pengeksploitasiannya alam sekitar. Revolusi Industri yang bermula sekitar abad ke 18 di Eropah menyaksikan berlakunya perubahan drastik dalam masyarakat mereka. Pada masa ini penolakan institusi dan amalan agama begitu pesat di kalangan mereka. Mereka membebaskan diri daripadanya dan mendukung amalan rasionalisme dan materialisme yang berpaksikan sekularisme. Mereka berlumba-lumba mengejar kemajuan terutama dalam aspek perindustrian. Ia memerlukan bahan mentah dan ia tidak cukup di tempat mereka. Mereka mula meneroka kawasan baru untuk bahan mentah dan kawasan sebelah Timur menjadi pilihan. Kebanyakan penaklukan Barat pada masa tersebut berorientasikan bahan mentah. Mereka mengeksploitasi sumber semulajadi secara rakus dan meninggalkan negara yang dijajah setelah sumbernya berkurangan. Hasil akhir pengeksploitasiannya tersebut adalah kerosakan alam sekitar yang diwariskan kepada negara asal. Perindustrian yang pesat di Barat pada masa tersebut telah menyaksikan episod pencemaran udara berlaku seawal tahun 1900-an. Kejadian ‘photochemical smog’ pada tahun 1952 di London telah mengakibatkan kematian beribu-ribu manusia (Saxe 1991). Mereka yang memulakan pengeksploitasiannya sumber di negara membangun menyalahkan pula negara tersebut yang dikatakan tidak menguruskan sumber dengan baik.

## **Penutup**

Masalah alam sekitar tidak akan berakhir malah akan lebih teruk sekiranya setiap pihak tidak melihat kesalahan sendiri sebaliknya menuduh pihak lain yang bertanggungjawab. Masalah ini harus diselesaikan pada peringkat atas, menggunakan kaedah pencegahan dan bukannya perawatan. Kaedah yang sedang ada pada hari ini seperti akta dan undang-undang alam sekitar, penyelidikan saintifik, peralatan yang mengurangkan pencemaran adalah kaedah rawatan. Sementara kaedah pencegahan adalah amalan beragama. Perkara ini sebenarnya telah ada dalam setiap diri manusia, cuma mereka tidak menghiraukan kehadiran agama tersebut samada disengaja ataupun tidak disengajakan. Pengamalan beragama bermaksud kita mempraktikkan segala suruhan agama dan meninggalkan perkara yang ditegah. Dalam konteks agama Islam, suatu perkara yang

dinggalkan adalah aspek syariah (perundangan). Ia sewajarnya didahulukan kerana ia mampu menentukan halatuju kemandirian Islam. Keseluruhan aspek ajaran Islam wajar dipraktikkan kerana Allah telah berfirman :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ مَاءَمُوا أَذْخُلُوا فِي الْإِسْلَامِ كَافَةً وَلَا تَنْهِيُوا  
خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّمَا لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

*“Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu”.*

(Surah Al-Baqarah : 208)

Adalah wajar kita beralih kepada kaedah pencegahan setelah kaedah sedia ada yang bercorak rawatan begitu lama dipraktikkan namun hasilnya tidak menggalakan. Kita akan terus ketinggalan sekiranya tidak menggunakan kaedah pencegahan ini bermula daripada sekarang. Walaupun mungkin tidak berkesempatan untuk melihat hasilnya sekarang sekurang-kurangnya generasi akan datang sempat mewarisi bumi dalam keadaan seperti yang kita huni sekarang.

